

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **Lisan**  
**DARIPADA** : **Datuk Rozman bin Isli**  
[ Labuan ]  
**TARIKH** : **19 Mei 2016**  
**SOALAN** : **Datuk Rozman bin Isli minta MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
**menyatakan** sejauh manakah pembangunan  
kemudahan di jeti pendaratan ikan Lembaga  
Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dilaksanakan  
dalam usaha untuk merealisasikan pembinaan  
“Bandar Nelayan di Kiansam, Labuan”

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kompleks LKIM Labuan telah dibina pada tahun 2007 dan telah beroperasi pada bulan Januari 2013. Seterusnya di dalam Rancangan Malaysia ke-11, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM20 juta bagi Projek Pembangunan Fasa II: Naiktaraf Kemudahan Kompleks LKIM Labuan bertujuan untuk meningkatkan pendaratan dan keselamatan bot-bot nelayan. Skop pelaksanaan kerja meliputi kerja-kerja menaiktaraf kemudahan dan komponen-komponen kompleks yang diperlukan oleh nelayan seperti jeti tambatan, jeti pendaratan/dermaga, pejabat peniaga, *slipway*, kilang ais, bilik sejuk dan *warehouse/gudang* bagi kemudahan pendaratan dan aktiviti perikanan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan juga kawasan pejabat dan bilik sejuk kepada pengusaha-pengusaha perikanan di Labuan Fishery supaya dapat dipusatkan di Kompleks LKIM Labuan dalam langkah merealisasikan “Bandar Nelayan di Kiansam, Labuan”.